

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YANG BERTAMBAH DATUK ABDUL RAHIM BIN BAKRI,  
TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
SEMPENA PROGRAM HARI TERBUKA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2010 (KHAMIS)  
TEMPAT : SACC MALL, SHAH ALAM, SELANGOR.  
MASA : 11.00 PAGI**

Assalamualaikum W.B.T. , salam sejahtera, dan Salam 1Malaysia

Yang Berusaha saudara dan saudari pengacara majlis,

Yang Berbahagia Dato' Long See Wool,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Haji Solah Bin Mat Hassan,  
Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Malaysia;

Yang dihormati, Pengarah JPJ Selangor dan Ketua-Ketua Jabatan-Jabatan serta  
Agensi-Agensi;

Yang Berbahagia Dato'-Dato',Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-puan, seterusnya  
rakan-rakan media yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memanjatkan rasa  
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya  
dapat kita berkumpul di SACC MALL, Shah Alam, pada pagi yang ceria ini. Di  
kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih  
kepada Yang Berbahagia Dato' Long See Wool, Ketua Setiausaha Kementerian  
Pengangkutan Malaysia dan Yang Berbahagia Dato' Haji Solah Bin Mat Hassan  
kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya  
merasmikan Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Program Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan ini merupakan salah satu inisiatif  
yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mendekatkan diri dengan masyarakat  
supaya masyarakat tahu fungsi Kementerian ini dan memaklumkan beberapa  
perkembangan terkini Kementerian seperti pindaan undang-undang khususnya di  
bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang akan dilaksanakan kelak.

Melalui program seumpama ini, pihak Kementerian berharap akan mendapat kerjasama daripada para *stakeholders* sebagai salah satu cara untuk memberi keyakinan dan pemahaman yang jelas berkaitan beberapa perkara serta isu yang berlaku. Ini adalah usaha yang kita laksanakan dan juga apa yang kita sebut sebagai “*public engagement*” yang merupakan salah satu tanggungjawab sosial Kementerian terhadap masyarakat, supaya setiap dasar yang dilaksanakan tidak memberi tanggapan negatif terhadap Kementerian ini.

Yang Berhormat Dato’/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Sektor Pengangkutan telah memasuki era yang lebih mencabar pada masa kini. Transformasi untuk berdaya saing dan lebih efektif adalah perlu untuk memastikan Kementerian ini lebih relevan di peringkat global dan hasrat Malaysia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 nanti. Justeru, bagi memastikan Malaysia terus maju dan berjaya serta berdaya saing dalam bidang Pengangkutan, maka kerjasama yang lebih erat dan berkesan perlu dimainkan oleh Kementerian ini dengan jabatan-jabatan serta agensi di bawahnya, rakan-rakan niaga, institusi-institusi pendidikan, badan-badan berkanun, badan-badan bukan kerajaan dan lain-lain pihak termasuk orang ramai dapat bergerak seiring bagi menyokong transformasi dalam sektor pengangkutan di negara ini.

Kerjasama yang erat ini, bak kata pepatah ‘*bagai aur dengan tebing*’ adalah perlu supaya segala perubahan boleh berlaku dengan lancar tanpa merugikan sesiapa. Selaras dengan hasrat tersebut maka pada pagi yang bersejarah ini, pihak Kementerian menerusi Program Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan ini telah menyediakan beberapa kaunter untuk orang ramai membuat aduan dan pertanyaan berkaitan fungsi dan tugas-tugas agensi-agensi atau jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini. Tidak lupa sekiranya ada masalah-masalah yang ingin diajukan berkaitan perkhidmatan yang tidak memuaskan, juga boleh dibuat di kaunter-kaunter yang disediakan. Pembayaran saman-saman tertunggak dan semasa juga dapat dilakukan di sini.

Selain daripada itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga akan memberi penerangan menerusi pembentangan dan taklimat berkaitan beberapa pindaan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang berteraskan kepada beberapa perkara iaitu:

- Pelaksanaan AES (Automated Enforcement System)
- Pemantapan Penguatkuasaan
- Penubuhan SPAD
- Pencapaian Sasaran NKRA (UPT, Jenayah dan Rasuah)
- Kemaskini peruntukan undang-undang yang sedia ada (HOUSEKEEPING)

Pindaan Rang Undang-Undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini adalah bertujuan menangani isu-isu yang berkaitan dengan jumlah peningkatan pendaftaran kenderaan baru, jumlah peningkatan kemalangan dan masalah sikap tidak mematuhi peraturan jalan raya yang menjadi fenomena serius di kalangan pengguna jalan raya di negara ini.

Perangkaan pada tahun 2009 menunjukkan bahawa jumlah kemalangan jalan raya adalah 397,330 kes. Manakala jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya pula adalah sebanyak 6,745 kes dengan purata 18 kematian sehari. Adalah didapati 62.6% daripada 397,330 kes kemalangan adalah berkait dengan kelajuan (*speed-related*) dan 8.5% berkait dengan pelanggaran peraturan lampu isyarat.

Sebanyak 60 seksyen di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 akan dipinda, bagi menyesuaikan fungsi dan peranannya sejajar dengan perkembangan semasa yang semakin mencabar. Pindaan ini adalah perlu supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan bagi memastikan keselamatan pengguna di jalan raya dapat pertingkatkan. Ini adalah untuk memastikan kadar kemalangan jalan raya dapat dikurangkan dan kadar kematian dapat diturunkan.

Yang Berhormat Dato'/Datin, Tuan-Tuan dan Puan-puan sekalian,

Hasil perbincangan dengan semua agensi yang berkaitan, Kerajaan telah merumuskan 5 teras pindaan iaitu kesan daripada penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD); Menyokong inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA)-Pengangkutan Awam Bandar, membentras amalan rasuah dan menangani perbuatan jenayah; memantapkan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga agensi-agensi penguatkuasa yang lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan SPAD; melaksanakan AES; dan mengemaskini (*housekeeping*) peruntukan-peruntukan tertentu Akta 333.

Jika dilihat kepada beberapa pindaan terhadap 29 seksyen yang terkandung Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini, jelas menunjukkan banyak perubahan yang menyentuh tentang pemantapan penguatkuasaan dan sekali gus dapat menangani dan mengatasi masalah sikap pemandu dan pengguna jalan raya yang sengaja melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada JPJ kerana telah berjaya menganjurkan Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan ini di SACC Mall. Dengan adanya penganjuran acara seperti ini, orang ramai akan dapat mengetahui dan memberi maklumbalas kepada pihak Kementerian dan JPJ. Adalah diharapkan agar orang ramai dapat bekerjasama dengan pihak Kementerian bagi memberi idea-idea baru yang bernas untuk tujuan kebaikan bersama.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim saya dengan ini merasmikan Hari Terbuka Kementerian Pengangkutan Malaysia di SACC Mall. Sekian, terima kasih.